

## KRONOLOGI PENUBUHAN UPM

**21 Mei 1931:**

Sekolah Pertanian dibuka oleh Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tiggi Ex-Officio Negeri Melayu Bersekutu, John Scott. Dibina di kawasan seluas lapan hektar, sekolah itu ditubuhkan untuk melatih dan mengeluarkan pegawai Jabatan Pertanian.

Sehingga 1941 (sebelum Malaya jatuh ke tangan Jepun) sekolah itu berjaya melatih 321 pegawai. Daripada jumlah itu, 155 adalah pemegang diploma dan 166 pemegang sijil.

**23 Jun 1947:**

Status Sekolah Pertanian dinaikkan menjadi Kolej Pertanian Malaya oleh Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent.

**1948:**

Cadangan dibuat supaya tarafnya dinaikkan menjadi universiti atau Fakulti Pertanian Universiti Malaya (ketika itu bertempat di Singapura). Bagaimanapun, cadangan itu ditangguhkan akibat darurat pada pertengahan tahun itu.

**1960:**

Fakulti Pertanian ditubuhkan di UM.

**1 Januari 1962:**

Statut diluluskan oleh Parlimen untuk membolehkan Majlis Kolej Pertanian Malaya menjadi sebahagian daripada UM.

**31 Mac 1969:**

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein membuat pengumuman penting mengenai masa depan Kolej Pertanian Malaya ketika merasmikan pembukaan bangunan tambahannya iaitu ditingkatkan taraf menjadi universiti.

**1971:**

Yang di-Pertuan Agong menandatangani Perintah Perbadanan mengikut Akta Universiti dan Kolej Pertanian 1971. Perintah itu disiarkan menerusi Warta Kerajaan PU(A)387 pada 29 Oktober 1971.

**1973:**

UPM ditubuhkan berdasarkan percantuman antara Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian UM. Ia bermula dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan, serta Bahagian Sains Asas.

**3 April 1997:**

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama baru UPM sebagai Universiti Putra Malaysia.